

**MASIH TUNGGU DUIT BANCI PENDUDUK (UTUSAN MALAYSIA, FORUM / 12,  
22 DISEMBER 2010)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada tajuk "Masih Tunggu Duit Banci Penduduk" (Utusan Malaysia, Forum/12, 22 Disember 2010) dan terima kasih atas keprihatinan yang diberikan kepada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010 ini merupakan projek kerajaan yang dijalankan sekali dalam tempoh sepuluh tahun. Bagi memastikan ia berjalan dengan lancar, perancangan dan pelaksanaan banci ini turut melibatkan kerjasama antara kementerian, jabatan dan agensi lain di bawah persekutuan dan negeri. Semua keperluan banci dan sumber kewangan yang diperoleh telah disalurkan kepada agensi yang terlibat. Bagi Negeri Perak, operasi pembancian dan hal kewangan adalah di bawah tanggungjawab Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Perak. Bagi seluruh Negeri Perak, seramai 350 orang penyelia dan 2,273 orang pembanci telah dilantik untuk menjalankan tugas-tugas pembanci, di mana seramai 22 orang penyelia dan 152 orang pembanci dilantik bagi kawasan Kuala Kangsar.

Dimaklumkan bahawa semua urusan pembayaran berkaitan banci seperti gaji, elauan tuntutan perjalanan dan bantuan khas kewangan sedang diuruskan oleh pihak UPEN Perak. Walau bagaimanapun, semua urusan pembayaran berkaitan perlu mengikuti prosedur kewangan sedia ada dan disertakan dengan dokumen yang lengkap bagi memastikan kelancaran pembayaran. Kerjasama pengadu adalah dipohon untuk mengemukakan butiran pengenalan diri yang lengkap seperti nama, no. kad pengenalan, no. telefon bimbit dan kawasan pembancian (nama penguasa daerah dan daerah banci) bagi memudahkan semakan.

Pihak Jabatan mengucapkan terima kasih atas sokongan yang diberikan kepada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010.

**HAJI ISMAIL BIN YUSOFF**  
Timbalan Pesuruhjaya  
b.p : Pesuruhjaya  
Banci Penduduk dan Perumahan, Malaysia, 2010